

Pelaksanaan cukai petak di KL



Khalid bersama Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Datuk Che Roslan Che Daud (tengah) dan Pengerusi Eksekutif Puncak Semangat Group Syed Azmin Mohd Nursin @ Syed Nor pada majlis pelancaran Pelaksanaan Cukai Petak Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

B40 nikmati kadar tetap RM15 setahun

Peralihan cukai ambil kepentingan rakyat, tak beban kenaikan kos sara hidup

Kuala Lumpur: Pelaksanaan sistem cukai petak mulai 1 Januari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan menyaksikan pemilik, terutama golongan terendah (B40) menikmati kadar tetap RM15 setahun bagi hak milik pajakan dan RM20 setahun bagi hak milik kekal.

Ini membabitkan pemilik kediaman strata daripada skim kediaman kos rendah dan Program Perumahan Rakyat (PPR), tanpa mengira saiz keluasan petak.

Pangsapuri mampu milik atau apartmen dengan saiz keluasan petak keseluruhan di bawah 96 meter persegi atau 1,030 kaki persegi, dikenakan cukai petak pada kadar minimum RM20 setahun bagi penganan hak milik pajakan dan RM25 setahun bagi penganan hak milik kekal.

Pangsapuri atau apartmen dengan saiz berkenaan, rata-ratanya dimiliki golongan berpendapatan 40 peratus pertengahan (M40).

Ketika mengumumkan kadar cukai berkenaan di sini semalam, Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid

Abdul Samad, berkata kerajaan mengambil pertimbangan sewajarnya dalam pelaksanaan cukai petak.

"Kerajaan mengambil kira kepentingan rakyat dan hasrat melaksanakan peralihan cukai tanah kepada cukai petak tanpa meningkatkan kos sara hidup atau bebanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan rekod di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, terdapat lebih 70 peratus kediaman jenis pangsapuri mampu milik atau apartmen yang mempunyai saiz keluasan petak keseluruhan di bawah 1,030 kaki persegi atau 96 meter persegi.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadi negeri keempat melaksanakan inisiatif peralihan cukai tanah kepada cukai petak ke atas hak milik strata selepas dilaksanakan di Selangor, Pulau Pinang dan Melaka.

Selain itu, Khalid berkata, pelaksanaan sistem cukai itu juga dilihat sebagai satu mekanisme pembetulan dan rasionalisasi kepada pengenalan cukai ke

atas pembangunan strata yang lebih sistematik, telus dan adil kepada setiap pemilik petak strata.

Pewujudan akaun cukai petak secara individu kepada setiap pemilik petak juga akan membolehkan pemilik petak yang tiada tunggakan meneruskan urusan niaga seperti pindah milik, pajakan dan galian tanpa sebarang halangan.

Dalam perkembangan lain, Khalid berkata, setakat ini lebih 2,200 daripada lebih 5,000 pemilik tanah Kampung Baru mengisi dan menghantar borang maklum balas berkaitan pelan pembangunan kawasan berkenaan.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 95.3 peratus bersetuju dan menunggu peluang untuk menjualnya kepada kerajaan bagi tujuan pembangunan.

Sebelum ini, Khalid dilaporkan berkata, 30 November lalu ialah hari terakhir untuk pemilik tanah Kampung Baru mengisi dan menghantar borang maklum balas pelan pembangunan kawasan berkenaan. BERNAMA